

03 DEC 1999

TARIKH BARU BELANJAWAN SELEPAS PEMBENTUKAN KABINET

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin hari ini berkata tarikh pembentangan semula Belanjawan 2000 akan diketahui sebaik sahaja kabinet baru dibentuk.

"Kita terpaksa tunggu kabinet dibentuk terlebih dahulu," beliau memberitahu pemberita di sini.

Diminta mengulas mengenai cukai 10 peratus yang dikenakan terhadap penjualan loteri oleh kerajaan negeri Sabah, Daim berkata tidak ada rancangan untuk memperkenalkan cukai seumpamanya di Semenanjung Malaysia,

"Tidak ada perubahan, tiada sebab untuk mengubah," katanya.

Merujuk kepada kedudukan Datuk Mustapa Mohamed yang kalah pada pilihan raya umum Isnin lepas, Daim berkata keputusan pengundi perlu dihormati.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memutuskan kedudukan Mustapa apabila tiba masanya.

Ketika ditanya mengenai pemindahan saham daripada CLOB kepada Menteri Kewangan Diperbadankan jika cadangan untuk menyelesaikan masalah dagangan saham itu tidak berjaya, beliau berkata ia akan dipindahkan kerana undang-undang membenarkannya.

Apabila ditanya mengenai rancangan masa depannya, Daim secara berseloroh berkata: "Sentiasa untuk bersara secepat mungkin."

-- BERNAMA

HM SHY OS